

**UMNO Komited Perjuangkan Hak Seluruh Rakyat Malaysia - Ahmad Maslan
Bernama
10 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Umno komited dalam perjuangan meningkatkan kualiti hidup dan hak seluruh rakyat Malaysia dan bukan hanya memperjuangkan hak orang Melayu semata-mata, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan.

Ahmad Maslan yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata selama 66 tahun Umno menerajui pemerintahan negara, parti itu tidak pernah sekalipun melakukan dasar mahupun pelan transformasi yang hanya memihak dan menguntungkan orang Melayu sahaja.

"Memang teras perjuangan Umno adalah bagi memperkasakan dan mendaulatkan hak orang Melayu, tetapi jika kita lihat dari dulu hingga kini tidak ada satu pun yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk sebuah kaum sahaja, dan jika ada mengapakah kerajaan kini beriya-iyanya mempromosikan identiti dan budaya 1Malaysia?"

"Kedai rakyat 1Malaysia (KR1M), Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan banyak lagi dasar dan juga pemberian kerajaan kepada rakyat untuk mengurangkan beban tidak hanya menfokuskan kepada orang Melayu sahaja, maka saya anggap Umno sehingga kini telah terlalu banyak membantu dan menjaga kebajikan rakyat di negara ini keseluruhannya," katanya dalam program 'Soal Jawab' terbitan TV3 malam Rabu.

Program wawancara itu dipengerusikan oleh Datuk Johan Jaafar, Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad. Turut menjadi panel tamu pada program yang membincangkan hala tuju Umno sempena ulang tahun ke-66 penubuhan parti itu ialah bekas Ketua Pengarang Bernama, Datuk Seri Azman Ujang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665021>